

TINGKAH LAKU DAN PROSES SEMASA MENULIS KARANGAN RESPON TERBUKA MURID BERPRESTASI RENDAH

Abdul Ghani Bin Jalil

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan menganalisis tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka serta menjelaskan persamaan dan perbezaan tingkah laku dalam kalangan murid tingkatan dua berprestasi rendah mengikut gender (lelaki dan perempuan). Informan kajian terdiri daripada enam orang murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di Kedah. Sumber data diperoleh daripada pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Kajian ini berlandaskan Model Proses Mengarang daripada Flower dan Hayes (1981). Dapatkan kajian proses menulis karangan mendapat pada penggal pertama, guru hanya memberi bimbingan pada peringkat pramenulis. Manakala, peringkat proses menulis, murid tidak dibimbing oleh guru sepenuhnya. Dalam proses menulis penggal kedua, murid tidak mendapat bimbingan sepenuhnya pada peringkat pramenulis dan proses menulis. Dapatkan kajian persamaan dan perbezaan tingkah laku memperlihatkan bahawa murid lelaki menunjukkan tingkah laku bermasalah berbanding dengan murid perempuan. Secara keseluruhannya, didapati hasil penulisan karangan respons terbuka dalam kalangan murid lelaki dan perempuan berprestasi rendah menunjukkan hasil penulisan karangan yang lemah. Kajian ini penting untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam tentang proses menulis karangan dan tingkah laku semasa pengajaran penulisan karangan dijalankan. Kajian ini signifikan kepada pengkaji, pihak sekolah, pihak Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memikirkan penekanan yang perlu diberi perhatian dan tumpuan dalam kursus-kursus yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu. Dengan itu guru digalakkan menyebati kemahiran berfikir kreatif dalam pembelajaran dan pengajaran karangan respons terbuka dengan memberi penekanan kepada aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) tanpa mengambil kira sama ada murid berminat atau sebaliknya.

KATA KUNCI: Tingkah Laku, Proses Menulis, Karangan Respons Terbuka

1. PENDAHULUAN

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan untuk menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001)

Kemahiran menulis merupakan satu daripada kemahiran bahasa yang menjadi teras kepada penguasaan bahasa baku. Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, kemahiran menulis merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid kerana kemahiran menulis berfokus kepada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan bahasa. Selain itu, kemahiran menulis juga mementingkan

penikmatan hasil karya yang indah, pelahiran perasaan, membuat apresiasi dan penghayatan. Dalam aspek kemahiran menulis, murid-murid diharapkan dapat:

- i. Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif secara terancang, tertib dan kemas menggunakan bahasa yang tepat, indah dan menarik.
- ii. Mengemukakan isi yang bernalas dan membina kerangka karangan.
- iii. Membina ayat topik dan ayat huraian untuk membina perenggan yang kohesif.
- iv. Menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan perenggan yang koheran.
- v. Mengedit dan memurnikan sesuatu karya yang dihasilkan.

Kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran yang perlu dikuasai dan dipelajari oleh murid. Penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata malah dipengaruhi oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran yang boleh diajar, dipupuk dan dilatih untuk melahirkan penulis yang berbakat.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara keseluruhan, objektif mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah, menetapkan bahawa pada akhir sekolah menengah murid dapat:

1. Melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan, dan berurus untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan;
2. Mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh oleh ilmu dan maklumat;
3. Menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
4. Mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan bacaan jenis maklumat dan bahan sastera;
5. Melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan jenis maklumat dan imaginatif secara kreatif dan berkesan; dan
6. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

(Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Dua, 2000, hal. 6-7)

Objektif mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Dua pula menetapkan bahawa pada akhir Tingkatan Dua murid dapat:

1. Berbicara bersama-sama rakan tentang hal peribadi, keluarga, jiran dan peristiwa menarik menggunakan bahasa yang santun;
2. Berurus untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan menggunakan ungkapan dan ayat yang sesuai;
3. Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara untuk mencapai kata sepakat;
4. Membaca pelbagai bahan ilmu untuk meluaskan pengetahuan bagi mendapatkan idea-idea baharu untuk kegunaan tertentu;
5. Mengubahsuaikan maklumat dengan memasukkan input terbaharu dan merumuskan maklumat;
6. Menyampaikan maklumat berdasarkan kerangka penyampaian dan pemilihan kata, frasa dan ayat yang sesuai bagi sesuatu tajuk pembentangan;

7. Membaca karya sastera dan ilmu untuk keseronokan serta memberikan pandangan tentang aspek yang menarik tentang karya dengan memberikan alasan yang wajar;
8. Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif yang sesuai dengan tujuan serta menggunakan kata, istilah, frasa, ungkapan, dan ayat yang betul dan gramatis; dan
9. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara melalui pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

(Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Dua, 2000, hal. 7)

3. PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Pencapaian Bahasa Melayu Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah

3.1 Data Peringkat Nasional

Negeri	Tahun (%)		Nilai Perbezaan (NP)					
	C+D		2006	2007	2008	2009	2010	2011
Kelantan		29.6	31.4	31.5	30.9	27.8	29.8	3.6
Terengganu		28.4	26.9	25.0	25.9	25.8	25.3	3.1
Pahang		30.2	29.5	28.8	29.0	27.2	27.7	3.0
Johor		35.5	34.5	34.8	35.1	33.1	32.1	3.4
Melaka		32.9	29.9	32.9	31.0	29.9	30.0	3.0
Negeri Sembilan		31.0	31.3	30.4	29.8	28.1	27.6	3.7
Kedah		34.6	33.4	33.6	31.7	31.2	31.0	3.6
Perlis		32.2	27.3	28.3	30.1	27.3	27.3	4.9
Perak		33.6	34.4	31.2	32.1	31.3	31.4	3.2
P. Pinang		35.2	32.7	32.4	32.3	31.7	30.1	5.1
W.P Kuala Lumpur		33.0	31.8	33.0	32.5	29.7	30.1	3.3
W.P Putrajaya		-	11.7	16.3	13.4	12.4	14.7	4.6
Selangor		31.0	29.9	30.6	30.1	27.2	27.7	3.8
Sabah		40.7	39.2	37.5	38.8	36.7	40.3	4.0
Sarawak		38.3	38.5	34.4	35.7	33.3	36.3	5.2
W.P Labuan		34.1	29.2	24.3	31.4	30.5	34.0	9.8

Jadual 1.1: Pencapaian Bahasa Melayu peringkat nasional

(Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012,hal.14)

3.2 Data Peringkat Negeri

Daerah	Jumlah Calon	C		D		Jumlah Calon (C+D)
		Bil	%	Bil	%	
Baling Sik	4148	700	17.5%	561	13.75%	1261
Kulim Bandar Baru	5364	966	18.23%	864	16.31%	1830

Kuala Muda Yan	7490	1863	19.79%	1439	15.28%	3302
Kubang Pasu	3915	686	17.80%	518	13.44%	1204
Kota Setar	7490	1258	17.07%	838	11.37%	2096
Langkawi	1400	305	22.85%	229	17.15%	534
Pendang	2001	349	17.78%	286	14.57%	635
Padang Terap	1294	212	16.79%	173	13.70%	385
KEDAH	35158	6339	18.33%	4908	14.19	11247

Jadual 1.2:Pencapaian Bahasa Melayu Bagi Daerah Negeri Kedah

(Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, 2009, hal. 1)

3.3 Data SM1, SM2 dan SM3

Sekolah	Jumlah		C		D		Jumlah Calon (C+D)
	Calon	Bil	%	Bil	%		
SM1	89	28	24.92%	12	10.68%	40	
SM2	90	59	53.1%	18	16.2%	77	
SM3	98	31	30.38%	13	12.74%	44	

Jadual 1.3:Pencapaian Bahasa Melayu Sekolah Menengah 1,Sekolah Menengah 2 dan Sekolah Menengah 3

(Unit Peperiksaan Sekolah Menengah 1,SM 2 dan SM 3, 2009, hal.1)

4. Soalan Kajian

Kajian ini menjawab soalan-soalan berikut:

1. Bagaimanakah proses menulis karangan respons terbuka informan berprestasi rendah?
2. Apakah persamaan dan perbezaan tingkah laku semasa menulis karangan respons terbuka antara murid lelaki dengan murid perempuan berprestasi rendah?

5. METODOLOGI KAJIAN

Tiga kaedah pengumpulan data secara kualitatif, iaitu pemerhatian, temu bual, dan dapatan dokumen. Penggunaan pelbagai kaedah pengutipan dan pengumpulan data juga membolehkan perbandingan dan pengukuran data dilakukan.

6. DAPATAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

6.1 Bagaimanakah Proses Menulis Karangan Respons Terbuka Informan Berprestasi Rendah?

Terdapat enam proses menulis pada peringkat pramenulis penggal pertama. Proses pramenulis karangan ini berlaku langkah demi langkah dan berulang-ulang mengikut arahan guru. Semasa proses pramenulis, informan kajian tidak menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam proses menulis karangan. Sebaliknya guru yang banyak memainkan peranan utama dalam membuat keputusan berhubung dengan perancangan isi karangan, iaitu berkaitan pemilihan dan penyusunan isi karangan. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat 954

meneroka proses menulis karangan yang dilalui oleh murid bagi mewakili murid daripada kaca mata dan tanggapan mereka sendiri (Patton, 1980). Melalui pemerhatian di dalam kelas membolehkan pengkaji melihat, memerhati dan mendengar (Marshall & Rossman, 1989) apa-apa yang berlaku semasa murid mengarang di dalam kelas serta mengalami suasana pembelajaran dan pengajaran kemahiran mengarang tersebut.

- 6.2 Apakah persamaan dan perbezaan tingkah laku semasa menulis karangan responsterbuka antara informan lelaki dengan informan perempuan berprestasi rendah?

Terdapat persamaan dan perbezaan tingkah laku yang ditunjukkan oleh informan berprestasi rendah semasa menulis karangan respons terbuka. Dalam aspek tingkah laku, informan perempuan lebih banyak menunjukkan tingkah laku positif berbanding dengan informan lelaki.

6.3 Tingkah Laku Informan Lelaki dengan Informan Perempuan

Informan lelaki menunjukkan tingkah laku bermasalah yang ketara berbanding dengan informan perempuan. Tingkah laku bermasalah merujuk sebarang tingkah laku sama ada positif atau negatif, yang boleh menjelaskan keberkesanan dan kelincinan proses pembelajaran dan pengajaran di kelas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua jenis tingkah laku bermasalah, iaitu tingkah laku bermasalah positif dan tingkah laku bermasalah negatif. Tingkah laku bermasalah positif merujuk kepada tingkah laku yang ingin tahu, cepat belajar, proaktif dan pintar cerdas. Informan lelaki didapati lebih cepat membuat tindakan dalam memulakan penulisan karangan dengan meminta bantuan daripada rakan-rakan. Dari segi tingkah laku mengikut gender, kemampuan murid lelaki dan murid perempuan dalam konteks penghasilan karangan respons terbuka sepatutnya sama. Secara intelektual, tidak ada perbezaan antara murid lelaki mahupun murid perempuan dalam konteks penghasilan karangan respons terbuka. Mereka hanya boleh dikatakan berbeza dari sudut keinginan menguasai proses penghasilan tersebut dan kesediaan tingkah laku mereka yang perlu ada sebelum melalui proses tersebut.

7. IMPLIKASI KAJIAN

7.1 Kemahiran Metakognitif

Murid perlu sedar tentang penggunaan strategi dalam penulisan karangan. Dalam pembelajaran dan pengajaran ilmu mengarang, strategi metakognitif perlu dilatih kepada murid bagi membolehkan mereka mempunyai pengawalan terhadap bentuk dan haluan teks karangan yang ditulis. Tomlinson dan McTighe (2006) menyatakan bahawa murid yang menggunakan strategi metakognitif merupakan murid yang efektif. Yahya dan Maszuraimah (2013) juga menunjukkan bahawa penggunaan strategi metakognitif dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir murid. Murid-murid perlu mengetahui apa, bila dan bagaimana strategi kemahiran menulis boleh digunakan semasa menulis sesebuah karangan.

7.2 Pengajaran dan Pembelajaran Mempengaruhi Penulisan Karangan

Pengajaran merupakan proses atau aktiviti penyampaian pengetahuan, menanam kepercayaan baharu, menukar tingkah laku atau tingkah laku murid. Semasa proses pengajaran, guru perlu membuat pembaharuan berdasarkan kebolehan murid sesebuah kelas. Pembelajaran pula adalah perubahan tingkah laku atau pencapaian murid pada sesuatu aspek. Seseorang guru mata pelajaran Bahasa Melayu perlu menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian supaya proses pembelajaran boleh berlaku dengan berkesan.

7.3 Wujudnya Kemahiran Pengajaran Kemahiran Menulis untuk Informan Berprestasi Rendah

Wujudnya kemahiran pengajaran kemahiran proses menulis karangan untuk informan berprestasi rendah supaya mereka dapat dibimbing untuk meningkatkan kemahiran penulisan mereka khususnya karangan respons terbuka. Dapatkan ini menyokong daptatan Faridah Serajul Haq; Nooreiny Maarof dan Raja Mohd. Fauzi Raja Musa (2001) yang menunjukkan bahawa kemahiran menulis yang efektif amat penting untuk kejayaan akademik dalam sistem persekolahan di seluruh dunia.

7.4 Persediaan Menulis Karangan Respons Terbuka

Informan kajian tidak membuat persediaan untuk menghasilkan karangan respons terbuka. Sulaiman Masri (1990) menjelaskan bahawa karangan merupakan susunan perkataan yang membentuk ayat, ada pula disusun sehingga menjadi perenggan, fakta dan fikiran, disusun dengan lengkap menjadi satu kesatuan. Hal ini bermakna perkataan dalam ayat tidak boleh disusun tanpa fakta dan fikiran, dan sebaliknya fakta dan fikiran tidak boleh disusun tanpa menggunakan sejumlah perkataan yang asalnya terpisah, menjadi ayat dan perenggan. Kesimpulannya, menulis sesebuah karangan merupakan kemahiran berbahasa yang tinggi dan murid dapat menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik jika menguasai tiga kemahiran bahasa, iaitu mendengar, membaca dan menulis.

7.5 Memilih Soalan yang Tepat

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa informan tidak membaca soalan yang dikemukakan dengan teliti dan memilih soalan yang tepat bererti soalan tersebut sesuai dengan pengetahuan, pemahaman, dan keupayaan untuk menghuraikannya. Pemilihan tajuk karangan amat penting kerana karangan yang akan ditulis dapat menepati kehendak soalan, padat dan bernas. Guru perlu membimbang murid untuk mengenal pasti kata kunci dan kehendak sesuatu tajuk karangan.

7.6 Mengenal Pasti Kata Kunci Soalan

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa informan telah menggunakan kata kunci soalan sebelum meneruskan penulisan karangan. Proses menentukan kata kunci soalan perlu dilakukan setelah memilih tajuk yang tepat. Kata kunci soalan biasanya mempunyai tiga perkara utama yang perlu dikesan oleh murid. Tiga perkara itu ialah TEMA, ARAH SOALAN dan FORMAT.

7.7 Menyediakan Rangka Karangan

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa informan kajian tidak menyediakan rangka karangan terlebih dahulu. Menyusun rangka karangan merupakan langkah yang cukup penting dalam proses menulis karangan.

7.8 Perenggan Pendahuluan

Perenggan pendahuluan ialah kepala atau pengenalan umum untuk membayangkan penulisan seterusnya terutamanya dalam tubuh besar karangan. Perenggan pendahuluan menjadi penilaian awal sama ada informan memahami soalan yang dipilih. Sehubungan dengan itu, perenggan pendahuluan tidak perlu mendalam dan tidak melebihi kepanjangan perenggan isi dalam karangan. Perenggan pendahuluan hendaklah ditulis dalam satu perenggan saja tentang suatu perkara yang berkaitan dengan soalan atau secara umum.

7.9 Menulis Perenggan Isi

Menulis perenggan isi merupakan peringkat yang paling sukar kepada informan kajian. Isi-isi penting tidak dapat dikembangkan dengan huraian, contoh-contoh yang tertentu, atau isi-isi sampingan informan kajian ini. Selain itu, tidak terdapat penjalinan yang baik antara satu perenggan dengan perenggan yang lain.

Seterusnya, informan juga tidak menggunakan penanda-penanda wacana untuk memperlihatkan penjalinan dan perkaitan isi-isi karangan. Kesalahan paling ketara yang dilakukan oleh informan kajian adalah tidak membuat suatu kesimpulan atau penegasan dalam setiap isi penulisan karangan.

7.10 Menulis Perenggan Kesimpilan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perenggan kesimpulan atau penutupan karangan yang dihasilkan oleh informan kajian bersifat ringkas. Selain itu, perenggan penutupan yang ditulis oleh informan kajian tidak logik dan tidak memuaskan hati guru (pembaca).

7.11 Menyunting dan Menyemak Karangan

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa proses penyuntingan dan penyemakan karangan tidak dibuat oleh informan kajian. Proses menyemak karangan merupakan proses yang penting dalam usaha mengelakkan pemotongan markah disebabkan oleh pelbagai kelemahan dan kesilapan yang tidak disengajakan oleh informan.

7.12 Tingkah Laku Mempengaruhi Penulisan Karangan

Mercer dan Mercer (1998) menjelaskan bahawa masalah pembelajaran dalam kalangan murid dapat dibahagikan kepada tiga aspek, iaitu kriteria tingkah laku (tingkah laku yang mudah menyisihkan seseorang), tingkah laku yang mudah disesuaikan dan tingkah laku yang merosakkan. Selain itu, masalah pembelajaran dari segi kriteria kognitif iaitu pencapaian akademik rendah, masalah berkaitan perhatian, lemah ingatan, kognitif dan metakognitif dan kekurangan persepsi juga dilihat mempengaruhi penulisan karangan. Akhir sekali, masalah yang melibatkan kriteria afektif, iaitu kemahiran sosial, konsep kendiri, motivasi rendah dan keadaan mood yang melemahkan.

7.13 Kecerdasan Emosi

Kejayaan murid dalam akademik tidak bergantung sepenuhnya kepada kepintaran intelektual semata-mata tetapi turut disumbang oleh beberapa faktor lain seperti faktor kecerdasan emosi, faktor personaliti, persekitaran yang melibatkan guru, ibu bapa, rakan dan sebagainya. Goleman (1995) menyatakan bahawa faktor tersebut telah memberi sumbangan yang besar terhadap pencapaian murid.

8. SUMBANGAN KAJIAN

8.1 Sumbangan kepada Para Guru

Kajian ini amat signifikan kepada setiap guru untuk lebih bersedia dan memantapkan teknik pembelajaran dan pengajaran yang lebih kreatif. Oleh sebab kemahiran menulis karangan merupakan proses yang berurutan dan berperingkat-peringkat iaitu melalui proses pramenulis, proses menulis dan pascamenulis maka perancangan pengajaran guru mestilah mampu menambah baik dan menerapkan kemahiran menulis secara sistematis dan efektif. Guru-guru perlulah membuat transformasi daripada menggunakan pendekatan tradisional dalam proses pembelajaran dan pengajaran kepada proses yang lebih dinamik.

8.2 Pihak yang terlibat menyelia guru

Kajian ini akan memberikan implikasi yang besar kepada proses penggubalan dasar atau perancangan pihak yang terlibat menyelia guru. Hal ini dikatakan demikian kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran bahasa wajib dikuasai secara berperingkat-peringkat. Kemahiran bahasa merupakan proses berterusan yang mesti diamalkan dalam aktiviti sehari-hari murid.

8.3 Bakal guru

Bakal guru-guru untuk membuat persediaan awal sebelum berkhidmat di sekolah. Bakal guru perlu menyediakan diri dengan kemahiran untuk menterjemahkan idea yang ada di sanubari murid pada kertas. (*Thinking Aloud*). Isu di sini ialah kaedah yang efisien untuk menterjemahkan idea tersebut. Perkara ini dapat dilakukan menerusi bimbingan guru yang bertauliah yang memerlukan titik daya fokus murid khususnya dalam pencetusan idea tersebut, perancangan teliti khususnya dalam penghasilan rangka-rangka idea dan pecahan idea-idea, penelitian atas idea-idea yang kait-mengait dan teknik mengeluarkan idea-idea tersebut.

9. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dijelaskan bahawa proses menulis karangan dan tingkah laku informan berprestasi rendah sukar untuk diatasi jika guru tidak menguasai teknik yang sesuai agar dapat menarik minat murid berprestasi rendah untuk mengikuti pembelajaran dan pengajaran kemahiran menulis karangan. Penguasaan dan teknik mengajar karangan juga mempengaruhi konsepsi mereka terhadap kandungan penulisan, proses pengajaran, kepentingan dan proses pelaksanaan interaksi lisan pengajaran, dan sikap mereka terhadap inovasi pendidikan yang dijalankan. Dalam usaha guru mengajarkan dan meningkatkan mutu kemahiran menulis karangan murid, maklumat dan pengetahuan tentang proses yang dilalui oleh murid semasa menulis karangan dapat membantu perancangan pengajaran guru. Meskipun proses menulis karangan dan tingkah laku informan berprestasi rendah berbeza-beza namun matlamat yang hendak dicapai tetap sama, iaitu ke arah meningkatkan mutu kemahiran menulis karangan bagi menjana ilmu dan meningkatkan prestasi akademik.

RUJUKAN

- Che Zanariah Che Hassan,& Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(5), 67 - 68.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof, & Raja Mohd. Fauzi Raja Musa. (2001). Masalah penulisan naratif di kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*, 1(27), 3-26.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Mercer, C.D., & Mercer, A. R. (1998). *Teaching student with learning problem* (5thed.). New Jersey: U.S.A. Prentice-Hall, Inc.
- Sulaiman Masri (1990). *Penulisan berita dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tomlinson, C.A., & McTighe, J. (2006). *Integrating differentiated instruction and understanding by design*. Alexandria: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Yahya & Maszuraimah. (2013). Aplikasi strategi kesedaran meta-kognitif semasa membaca teks moden dan klasik dalam kalangan murid prauniversiti. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 61-71.
- Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Kedah. (2009). *Laporan Prestasi PMR 2009*. Kedah.
- Unit Peperiksaan SM1. (2009). Laporan Penilaian Menengah Rendah. SMK Pokok Sena, Kedah.
- Unit Peperiksaan SM2. (2009). Laporan Penilaian Menengah Rendah. SMK Bukit Payong, Kedah.
- Unit Peperiksaan SM3. (2009). Laporan Penilaian Menengah Rendah. SMK Pokok Sena Satu, Kedah.